

Pemerolehan dan Penguasaan Leksikal Bahasa Melayu Kanak-Kanak India di Prasekolah

Gayatri A/P Marimothu* dan Rohaidah Kamaruddin

Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,, Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM Serdang, Selangor, Malaysia

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan dalam kalangan kanak-kanak India yang berusia 5-6 tahun di prasekolah. Pada usia ini, kanak-kanak menghadapi tahap penguasaan bahasa yang kritikal. Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti tahap pemerolehan dan penguasaan leksikal bahasa Melayu kanak-kanak India di prasekolah. Kajian yang dijalankan ini menjelaskan faktor-faktor afektif dalam penguasaan leksikal bahasa Melayu. Pemerhatian dilakukan ke atas 17 orang kanak-kanak India prasekolah di tiga prasekolah swasta sekitar daerah Seremban. Penyelidik mendapati bahawa tahap pemerolehan dan penguasaan leksikal golongan kata bahasa Melayu kanak-kanak adalah baik tetapi masih dipengaruhi oleh bahasa pertama atau bahasa ibunda. Namun begitu, tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa Melayu kanak-kanak semakin baik apabila usia meningkat. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat beberapa faktor afektif seperti motivasi, emosi dan sikap kanak-kanak mempengaruhi proses pemerolehan bahasa.

Kata kunci: Pemerolehan leksikal bahasa Melayu, penguasaan leksikal, kanak-kanak India, faktor afektif, golongan kata

Lexical Acquisition and Mastery of The Malay Language among Indian Children at Preschool

INFO MAKALAH

Pewasitan Makalah:

Dihantar: -

Diterima: -

E-mail:

gayu0417@gmail.com (Gayatri A/P Marimothu)

nashalimir@yahoo.com (Rohaidah Kamaruddin)

*Penulis penghubung

ABSTRACT

This study focuses on the lexical acquisition of 5 to 6 year-old Indian children. Children at this age face a critical language acquisition phase. The objective of this study is to identify the lexical acquisition and mastery of Malay language among Indian children through visual senses. This study also shows the affective factors involved in language acquisition and mastery. 17 Indian pre-school children from three private preschool around the Seremban district were observed. Researchers found that the lexical acquisition of the Malay words amongst children is good but influenced by the first language or native language. However, the

acquisition of the Malay language improves among the Indian as they age. The findings show that there are several affective factors such as motivation, emotion and attitude influence the language acquisition process amongst children.

Keywords: lexical acquisition of the Malay language, mastery of the Malay language, Indian children, affective factors, word category.

PENGENALAN

Pemerolehan bahasa dikenali sebagai *language acquisition* dalam bahasa Inggeris. Maksan (1993: 20) mengatakan bahawa pemerolehan bahasa ialah proses penguasaan bahasa yang berlaku secara tidak sedar, implisit dan informal. Menurut Lyson (1981:252), pemerolehan bahasa ialah suatu bahasa yang digunakan tanpa kualifikasi atau tanpa mempelajari bahasa tersebut oleh penutur bahasa. Menurut Dardjowidjodjo (2003:225), pemerolehan bahasa ialah proses penguasaan bahasa yang berlaku sewaktu seseorang mempelajari bahasa secara natural. Pemerolehan bahasa merupakan proses yang berlaku dalam otak kanak-kanak. Pemerolehan bahasa ialah penguasaan bahasa hasil kontak verbal yang berlaku secara tidak disedari apabila bertutur dengan penutur asli bahasa itu. Pemerolehan bahasa kedua berlaku apabila kanak-kanak telah menguasai bahasa pertamanya. Pemerolehan bahasa ialah proses manusia mendapatkan dan memahami bahasa sehingga menghasilkan perkataan mahupun ayat untuk berkomunikasi secara semula jadi, kanak-kanak mampu menguasai bahasa kerana mempunyai alat penguasaan bahasa yang membantu kanak-kanak menguasai sesuatu bahasa. Penguasaan bahasa bermula apabila kanak-kanak dapat menggabungkan dua atau lebih perkataan dalam kalangan kanak-kanak prasekolah, yang beriringan langsung dengan tahap pemerolehan bahasa kanak-kanak itu sendiri. Pemerolehan dan penguasaan bahasa kedua dapat dilakukan dengan lebih aktif dalam suasana prasekolah yang menghiburkan kanak-kanak. Pemerolehan bahasa dikaitkan dengan penguasaan bahasa kanak-kanak dan dua faktor utama yang dikaitkan dengan pemerolehan bahasa ialah pengaruh faktor seperti biologi dan persekitaran. Mengikut Piaget, semua kanak-kanak dilengkapi dengan alat nurani yang berbentuk mekanikal umum sejak lahir untuk digunakan untuk menguasai bahasa (Mussen, 1983). Bagi Chomsky dan Miller(1963) alat yang khusus ini dikenali sebagai *Language Acquisition Device (LAD)* yang membolehkan kanak-kanak mampu memperoleh sesuatu bahasa dengan mudah dan cepat.

METODOLOGI KAJIAN

Penyelidikan ini dijalankan untuk mengkaji pemerolehan dan penguasaan leksikal bahasa Melayu kanak-kanak India. Kajian ini dijalankan terhadap kanak-kanak India dalam lingkungan umur 5 hingga 6 tahun yang sedang belajar di prasekolah swasta di Negeri Sembilan, Malaysia. Instrumen kajian yang digunakan ialah tiga keping gambar, iaitu gambar harimau, basikal dan kereta ditunjukkan kepada kanak-kanak. Penyelidik menggunakan kaedah pemerhatian dalam mengenal pasti pemerolehan bahasa kanak-kanak prasekolah. Gambar-gambar digunakan untuk menarik minat kanak-kanak prasekolah untuk berkomunikasi apabila soalan dikemukakan oleh guru. Sebelum kajian dijalankan, penyelidik telah mendapatkan maklumat tentang penggunaan bahasa kanak-kanak India di prasekolah itu. Satu borang kaji selidik diedarkan kepada ibu bapa untuk

mengenal pasti bahasa ibunda dan bahasa komunikasi kanak-kanak India di rumah mereka agar penyelidik dapat mengenal pasti kanak-kanak India yang menerima pengaruh bahasa pertama atau bahasa ibunda. Penyelidikan dilakukan dalam kumpulan dan secara individu. Rakaman perbualan dijalankan selama dua kali seminggu. Sebelum rakaman dan pemerhatian guru dijalankan, penyelidik beberapa kali hadir ke prasekolah berkenaan agar kanak-kanak di prasekolah tersebut dapat membiasakan diri dengan penyelidik. Soalan yang sama digunakan kepada ketiga-tiga prasekolah berkenaan. Penyelidik berjumpa dengan guru bahasa Melayu di prasekolah berkenaan untuk menerangkan cara pelaksanaan kajian sebelum kajian dijalankan. Soalan yang dikemukakan kepada kanak-kanak membolehkan mereka mengujarkannya leksikal golongan kata berdasarkan gambar itu. Guru turut merangsang pemerolehan bahasa kanak-kanak agar mereka mengujarkannya sebanyak perkataan yang boleh. Pengaruh faktor afektif terhadap bahasa kedua kanak-kanak India turut diperhatikan melalui sebutan kanak-kanak.



GAMBAR 1



GAMBAR 2



GAMBAR 3

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ialah dapat mengenal pasti tahap pemerolehan dan penguasaan leksikal golongan kata bahasa Melayu kanak-kanak India di prasekolah swasta. Kajian ini juga menjelaskan faktor-faktor afektif dalam pemerolehan dan penguasaan leksikal bahasa Melayu kanak-kanak India di prasekolah.

KAJIAN LITERATUR

Kajian Indumathy Munusamy, iaitu Penguasaan Bahasa Melayu Dalam Kalangan Pelajar Peralihan Di Tiga Buah Sekolah Di Daerah Skudai (2013) bertujuan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang menyebabkan penguasaan bahasa Melayu yang lemah dalam kalangan pelajar peralihan. Terdapat lima faktor yang dikaji dalam kajian ini, iaitu sikap pelajar, gangguan yang dialami dan jenis kesilapan yang dilakukan oleh pelajar peralihan dalam aspek penulisan, pembacaan dan pertuturan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap penguasaan pelajar peralihan dalam berbahasa Melayu berada pada tahap yang sederhana dan terdapat beberapa jenis kesilapan dari aspek bahasa, kosa kata, pengolahan dan intonasi yang dilakukan oleh mereka dalam beberapa aspek penulisan, pembacaan dan pertuturan. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa penguasaan pelajar peralihan memang pada tahap yang sederhana sahaja dan mereka memerlukan kaedah pengajaran yang baik dan sokongan daripada pelbagai pihak untuk memperbaiki tahap

penguasaan bahasa Melayu mereka.

Rohaidah (2013) dalam kajiannya , Hubungan Faktor Ekstralinguistik Bahasa Kedua Dengan Pencapaian Bahasa Melayu dalam kalangan Pelajar-Pelajar Melayu di Negeri Sembilan yang menggunakan Teori Monitor mendapati bahawa faktor afektif mempengaruhi kadar dan kualiti pemerolehan bahasa kedua pelajar. Monitor memproses bentuk-bentuk linguistik dalam keadaan sedar dan pengetahuan linguistik ini digunakan oleh pelajar untuk membetulkan pertuturan dan penulisannya. Beberapa faktor afektif seperti motif, sikap, keperluan dan emosi menapis bahasa yang didengari oleh mereka.

Abdul Rahim dan Mohd Sharifudin (2014) dalam kajian mereka berpendapat bahawa kanak-kanak Orang Asli di bandar raya Kuala Lumpur menunjukkan sikap positif dalam proses pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Selain itu, pelajar bahasa kedua dikatakan perlu mempunyai sikap yang positif dalam pembelajaran bahasa kerana sikap penting bagi individu itu untuk menguasai sesuatu kemahiran berbahasa. Dalam kajian ini, kanak-kanak Iban menunjukkan sikap yang sangat positif dalam pembelajaran bahasa Melayu. Dapatan ini menyokong Ilango et al. (2014), Zamri, Kamariah Ayu dan Wan Muna Ruzanna (2016) serta Jerie dan Zamri (2011) menjelaskan bahawa sikap merupakan penyumbang utama kepada pencapaian murid dalam pembelajaran bahasa Melayu. Kanak-kanak yang mempunyai sikap positif mempengaruhi pembelajaran bahasa kedua kanak-kanak.

Anida Sarudin (2016) dalam kajiannya yang berjudul Penguasaan Bahasa Melayu Kanak-kanak Prasekolah Berdasarkan Inventori Penilaian Kemahiran Terancang telah mengenal pasti pemerolehan dan penguasaan bahasa kanak-kanak prasekolah berdasarkan bahan rangsangan berbentuk gambar dan soalan yang terbahagi kepada lima bahagian linguistik, iaitu fonologi, morfologi, sintaksis, semantik dan pragmatik mengikut aras Taksonomi Bloom. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penguasaan bahasa kanak-kanak lima tahun lebih tinggi daripada kanak-kanak berumur empat dan tiga tahun. Menariknya, terdapat juga dapatan songsang terhadap tahap penguasaan bahasa kanak-kanak tersebut berdasarkan bahagian linguistik yang diuji. Dapatan tersebut menunjukkan pemerolehan dan penguasaan bahasa kanak-kanak yang terlibat berkemungkinan dipengaruhi oleh ketidakseimbangan penyusunan bahagian linguistik dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa mereka.

Kajian yang dijalankan sebelum ini menyentuh satu sahaja faktor yang mempengaruhi pemerolehan dan penguasaan bahasa dalam kalangan kanak-kanak. Kajian ini menyentuh beberapa faktor yang mempengaruhi pemerolehan dan penguasaan bahasa Malayu dalam kalangan kanak-kanak di prasekolah agar menjadi panduan kepada guru-guru prasekolah. Penyelidikan ini sedikit berbeza daripada kajian lepas kerana kajian ini dapat menghuraikan leksikal golongan kata nama yang diujarkan oleh kanak-kanak India berdasarkan pemahaman mereka apabila melihat beberapa gambar.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Tahap Penguasaan Leksikal

Dapatan kajian ditunjukkan dalam bentuk rajah dan jadual berserta huraian. Rakaman perbualan guru dan responden dijalankan dalam dua sesi, iaitu secara kumpulan dan individu. Beberapa soalan ditanyakan oleh guru untuk merangsangkan kanak-kanak dapat mengujarkan golongan kata.

Golongan kata Gambar	Kata Nama	Kata Kerja	Kata Adjektif	Kata Tugas
Gambar 1	kuning	tidur baring duduk	-	empat tidak tak boleh
Gambar 2	rumah taman	-	besar biru putih merah jambu	paling aduh,sakitnya jangan Wah, cantiknya
Gambar 3	ayah emak bapa malam			hadapan depan

Jadual 1: Jawapan responden berdasarkan leksikal golongan kata

Golongan kata terdiri daripada kata nama, kata kerja, kata tugas dan kata adjektif. Kata nama terbahagi kepada nama am, nama khas, ganti nama dan nama terbitan. Terdapat beberapa responden menggunakan leksikal kata nama bahasa Melayu yang sesuai apabila gambar ditunjukkan kepada responden. Responden dapat menggunakan kata ganti nama diri yang sesuai seperti “saya” apabila guru menanyakan soalan. Kata adjektif dalam golongan kata berperanan sebagai menerangkan sifat sesuatu kata nama. Antara leksikal warna bahasa Melayu yang digunakan oleh responden ialah putih, merah jambu dan kelabu. Responden dapat mengujarkan leksikal kata adjektif untuk menunjukkan ukuran seperti “besar”. Terdapat responden yang menggunakan leksikal bahasa Inggeris untuk menjawab soalan yang dikemukakan oleh guru mereka berdasarkan gambar yang berfungsi sebagai rangsangan visual. Walaupun responden berbangsa India dan bahasa ibunda mereka ialah bahasa Tamil, mereka lebih arif mengujarkan leksikal perkataan bahasa Melayu walaupun terdapat pengaruh bahasa Inggeris dalam bahasa. Tiada leksikal bahasa Tamil yang diujarkan apabila soalan yang memerlukan mereka mengujarkan leksikal warna dikemukakan oleh guru mereka. Responden yang berusia 6 tahun kerap mengujarkan leksikal kata bahasa Melayu yang betul, terutamanya untuk menyatakan warna seperti biru, merah jambu dan kuning. Malahan menggunakan kata adjektif seperti “besar” untuk menyatakan sifat sesuatu objek.

Kata kerja ialah kata yang digunakan untuk menyatakan perbuatan seseorang. Responden telah menggunakan perkataan seperti “tidur”, “baring” dan “duduk”. Leksikal kata kerja bahasa kedua yang dipelajari oleh responden digunakan apabila guru menanyakan soalan kepada mereka. Terdapat responden yang menjawab dalam bahasa Inggeris pada awalnya, namun setelah beberapa kali disoal oleh gurunya dan melihat kawan-kawannya berkomunikasi dalam bahasa Melayu maka responden itu berjaya mengujarkan leksikal kata kerja dalam bahasa Melayu. Responden terbabit ingin diterima dalam komuniti itu dan hal ini membolehkannya mengujarkan leksikal kata kerja bahasa Melayu yang betul berdasarkan rangsangan visual yang ditunjukkan oleh guru. Bagi gambar ketiga, guru menanyakan soalan kepada responden dengan mimik muka yang tegas dan hal ini menyukarkan mereka mengujarkan leksikal yang sesuai. Faktor emosi dilihat sebagai satu faktor yang mempengaruhi pemerolehan bahasa seseorang pelajar yang membawa implikasi terhadap pengujaran leksikal responden itu. Responden berasa takut dan cenderung melakukan kesalahan. Responden menggunakan

leksikal kata tugas, iaitu kata bilangan (empat), kata nafi (tidak dan tak), kata penguat (paling), kata seru (aduh dan wah), kata perintah (jangan), dan kata arah (depan, hadapan). Responden dapat menggunakan leksikal kata tugas yang betul apabila guru menanyakan soalan. Malah terdapat responden yang menggunakan kata seru yang betul sejeurus selepas gambar basikal ditunjukkan. Terdapat responden yang mengujarkan leksikal perkataan “Wah, cantiknya basikal ini!”. Penggunaan leksikal kata perintah, iaitu jangan juga dapat diujarkan oleh responden apabila guru menanyakan sama ada responden boleh bermain basikal di jalan raya. Responden yang berusia 6 tahun lebih cenderung untuk menggunakan leksikal kata tugas yang sesuai berbanding dengan responden berusia 5 tahun apabila soalan ditanyakan oleh guru mereka.

Penyelidik berpendapat bahawa pemerolehan leksikal bahasa Melayu kanak-kanak India mengikut golongan kata pada usia 5 hingga 6 tahun berlaku dengan baik. Pemerolehan bahasa Melayu kanak-kanak India pada usia ini adalah baik dan mereka menerima bahasa kedua walaupun bahasa pertama atau ibunda masih mempengaruhi pemerolehan leksikal bahasa Melayu kanak-kanak India secara minimum. Pemerolehan bahasa Melayu kanak-kanak yang berumur 6 tahun berlaku dengan lebih berkesan kerana leksikal golongan kata kanak-kanak adalah bervariasi berbanding kanak-kanak berusia 5 tahun. Kanak-kanak berusia 6 tahun dapat menggunakan kata seru, ayat perintah dan kata hubung dalam pertuturannya. Bahasa kanak-kanak berusia enam tahun berkembang dan mereka dapat mengecam dan membezakan leksikal. Tahap pemerolehan dan penguasaan leksikal bahasa Melayu kanak-kanak semakin baik apabila umur mereka semakin meningkat dan dapat menjawab objektif penyelidik. Kajian juga menunjukkan bahawa bilangan ujaran yang disebut oleh kanak-kanak semakin meningkat apabila usia kanak-kanak meningkat.

FAKTOR AFEKTIF

Faktor afektif berfungsi menapis bahasa yang digunakan oleh penutur. Kajian oleh Dulay et.al yang dibincangkan oleh Noor Aina Dani(2007) telah menggunakan istilah ‘filter’ merujuk faktor afektif yang menapis keluar bahagian tertentu dalam bahasa daripada persekitaran bahasa pelajar. Faktor afektif adalah seperti motif, keperluan sikap dan keadaan emosi.

Pengaruh faktor afektif dapat dilihat dalam kajian pemerolehan leksikal kanak-kanak India di prasekolah. Penyelidik berpendapat bahawa faktor afektif motif mempengaruhi filter kanak-kanak India ini. Kanak-kanak yang mempunyai motif untuk menggunakan bahasa kedua mereka dalam percakapan seharian. Dalam kajian ini, responden yang ingin diterima dalam komuniti dapat menggunakan bahasa Melayu dengan baik. Responden yang berkomunikasi menggunakan bahasa Melayu bersama rakan-rakannya yang berbangsa Melayu cuba menggunakan leksikal bahasa Melayu sekerap yang mungkin.

Faktor afektif seterusnya ialah motivasi. Terdapat tiga jenis motivasi yang mempengaruhi pemerolehan leksikal bahasa Melayu kanak-kanak India. Motivasi integratif, iaitu keinginan kanak-kanak dalam turut serta dalam masyarakat bahasa yang dipelajarinya. Responden yang terdiri daripada kanak-kanak India di prasekolah ini sentiasa menggunakan bahasa kedua mereka kerana ingin diterima oleh kawan-kawan mereka yang terdiri daripada penutur bahasa Melayu. Seterusnya ialah motivasi instrumental. Motivasi instrumental ialah keinginan kanak-kanak untuk menggunakan bahasa yang dipelajari oleh mereka untuk sesuatu tujuan. Hudson (2000) berpendapat,

keinginan mendapat sesuatu yang pratikal atau konkrit menerusi pembelajaran bahasa kedua, misalnya ganjaran bersifat pujian, ekonomi atau meningkatkan status masyarakat. Motivasi kanak-kanak ini lahir apabila guru mata pelajaran tersebut memberikan motivasi positif kepada pelajar. Guru-guru yang sentiasa merangsang pemikiran responden untuk mengujarkan leksikal bahasa Melayu dapat memotivasikan kanak-kanak ini untuk lebih yakin dalam mengujarkan leksikal golongan kata bahasa Melayu.

Terdapat gangguan emosi responden daripada responden di prasekolah berkenaan. Terdapat banyak faktor yang berkait dengan emosi kanak-kanak. Antaranya punca yang menyebabkan berlaku gangguan emosi ialah persekitaran sekolah, sebarang peristiwa dalam keluarga, pengaruh rakan sebaya, tindakan guru, dan sebagainya lagi. Penyelidik berpendapat bahawa persekitaran responden merupakan faktor yang mengganggu pemerolehan dan penguasaan kanak-kanak India disebabkan kehadiran penyelidik dalam bilik ketika sesi individu. Hal ini menyebabkan responden kurang berkeyakinan untuk menjawab soalan yang dikemukakan oleh guru. Responden yang kurang sihat sedikit terganggu emosinya dan menyebabkan responden sedikit teragak-agak dalam mengujarkan leksikal golongan kata.

Sikap responden dalam pemerolehan leksikal bahasa Melayu adalah penting. Sikap responden yang positif mendorongnya untuk menggunakan bahasa Melayu. Sikap banyak mempengaruhi sejauh mana pelajar dapat mempelajari dan menguasainya dengan cepat (Zamri Mahamud dan Awang Salleh Awang Wahap, 2008:201). Sikap responden yang ingin menjawab dalam bahasa kedua, iaitu bahasa Melayu merupakan faktor yang paling mempengaruhi seseorang untuk menggunakan leksikal bahasa Melayu. Terdapat responden menjawab dalam bahasa Melayu melihat kawan-kawannya dipuji oleh guru kerana menggunakan bahasa Melayu dengan betul. Responden yang ingin turut mendapatkan pujian mengujarkan leksikal golongan kata bahasa Melayu. Penyelidik berpendapat bahawa responden ini cuba menggunakan bahasa Melayu kerana memiliki sikap yang positif dan mempunyai kesedaran tentang pentingnya bahasa kedua. Motivasi untuk belajar sesuatu bahasa dipengaruhi sikap seseorang terhadap sesuatu bahasa (Zamri Mahamod, 2008:197). Motivasi ini ialah motivasi integratif, motivasi instrumental dan motivasi pengiktirafan kumpulan sosial. Motivasi integratif dikatakan wujud dalam diri responden apabila apabila kanak-kanak India itu untuk menyertai hidup bermasyarakat di prasekolah manakala motivasi instrumental merupakan kemahuan untuk menggunakan bahasa yang dipelajari untuk tujuan menjawab soalan yang dikemukakan oleh guru dalam bahasa Melayu. Motivasi pengiktirafan kumpulan sosial merupakan kemahuan memperoleh kemahiran bahasa yang dituturkan oleh kumpulan sosial yang diiktirafkan oleh pelajar. Kanak-kanak India ini memerlukan motivasi daripada persekitaran mereka. Guru-guru perlu membantu kanak-kanak yang bertutur bahasa kedua itu untuk mempelajari bahasa mereka. Kanak-kanak India di prasekolah ini telah menerima motivasi yang sebetulnya membolehkan pemerolehan leksikal golongan kata kanak-kanak India di prasekolah berlaku dengan baik. Faktor afektif seperti emosi kanak-kanak, sikap kanak-kanak dan motivasi harus dikenal pasti agar pemerolehan bahasa berlaku dengan baik.

KESIMPULAN

Pendidikan prasekolah meningkatkan kebolehan kanak-kanak dalam semua aspek perkembangan mereka dan memupuk sikap positif dalam kalangan kanak-kanak. Pendidikan prasekolah meningkatkan kebolehan kanak-kanak dalam sesebuah aspek

perkembangan fizikal dan mental, di samping memupuk sikap positif. Kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi Malaysia penting disematkan dalam diri kanak-kanak sejak mereka kecil lagi kerana memudahkan pemerolehan dan penguasaan mereka terhadap bahasa Melayu. Penguasaan yang baik dalam bahasa Melayu membantu meningkatkan kemahiran berbahasa kanak-kanak dan membantu mereka untuk berkomunikasi dengan baik, terutamanya dengan masyarakat sekeliling.

Tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa pada anak dipengaruhi oleh usia kanak-kanak. Kanak-kanak harus mendengar terlebih dahulu kata-kata atau kalimat yang diujarkan seseorang. Kata-kata yang diujarkan berdasarkan proses berfikir, aktiviti yang dilakukan dan benda yang disaksikan. Pemerolehan bahasa dalam kalangan kanak-kanak berkembang sejajar dengan perkembangan fizikal dan mental kanak-kanak itu. Kanak-kanak yang berusia empat hingga lima tahun mula menggunakan perkataan yang kompleks dengan tatabahasa dan nahu yang betul, terutama dari segi sebutan, makna, imbuhan, bunyi dan penggunaan ayat. Perkataan atau ayat yang dihasilkan oleh kanak-kanak lebih sistematik dan dapat menyatakan makna tertentu.

Kanak-kanak mula menggunakan bahasa pada peringkat prasekolah lagi kerana mempunyai kebolehan menguasai sesuatu bahasa itu. Kanak-kanak India ini perlu motivasi daripada persekitaran mereka. Guru perlu membantu kanak-kanak bahasa kedua untuk memperoleh bahasa kedua mereka. Jika kanak-kanak tidak diberikan tunjuk ajar dan motivasi yang sebetulnya agar mereka terdorong mempelajari bahasa kedua ini maka pemerolehan bahasa kedua, iaitu bahasa Melayu menjadi sukar. Guru prasekolah boleh membuat strategik yang berkesan dengan menekankan penggunaan bahan rangsangan visual dalam pengajaran bahasa. Prasekolah perlu mengambil inisiatif untuk meningkatkan penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar, terutamanya sebagai medium komunikasi. Kaedah pembelajaran dan pengajaran bahasa Melayu menggunakan pendekatan visual ditekankan kerana merangsangkan kanak-kanak meneroka, di samping mengukuhkan kordinasi motor kasar dan halus.

Kementerian Pendidikan merancang silibus pengajaran yang menekankan pemerolehan bahasa kanak-kanak. Pusat-pusat prasekolah ini mempunyai matlamat dan objektif penubuhan yang berbeza kerana dikendalikan oleh pihak yang berbeza. Kajian ini membantu Kementerian Pendidikan memastikan bahawa Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan digunakan oleh prasekolah swasta. Guru prasekolah juga harus mempunyai latihan secukupnya dalam bidang mereka. Pelbagai strategik dalam pengajaran dan pembelajaran (Pdp) yang perlu dirancang oleh guru yang mempunyai pelajar dalam pelbagai tahap penguasaan dan pemerolehan bahasa mereka.

BIBLIOGRAFI

- Abdul Rahim Abu, dan Mohd Sharifudin Yusop, (2014) Sikap kanak-kanak orang Asli di Bandar Raya Kuala Lumpur terhadap penguasaan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*; Malay Language Education (MyLEJ), 4 (2). pp. 57-66
- Anida Sarudin, Dahlia Janan, Zulkifli Osman, Ahmad Khair Mohd Noor, (2016) Penguasaan Bahasa Melayu Kanak-kanak Prasekolah Berdasarkan Inventori Penilaian Kemahiran Terancang. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)* , 4 pp 93-106
- Chomsky, N. & Miller, G.A.,(1963) Introduction to the formal analysis of natural languages. In: Handbook of mathematical psychology, R.D. Luce, R.R. Bush & E.

- Galanter, (eds.), New York: Wiley.
- Dardjowidjojo, Soenjono. (2003). *Kisah Pemerolehan Bahasa Anak Indonesia*. Jakarta: Grasindo.
- Dulay, H., Marina, B., and Stephen, K. (1982) *Language Two*. London: Oxford University Press.
- Gardner & Associates. A.M. Masgoret. (2003). *Attitudes, Motivation, and Second Language Learning: A Meta-Analysis of Studies*. A Journal of Research in Language Studies. Victoria University of Wellington.
- Hudson, G. (2000) *Essential Introductory Linguistics*. Oxford: Blackwell.
- Ilangko Subramaniam. (2014). Aktiviti Permainan Bahasa, Wahana Penguasaan Kosa Kata, *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. Universiti Kebangsaan Malaysia. (4) pp 1-9
- Indhumathy Munusamy (2013). *Penguasaan Bahasa Melayu Dalam Kalangan Pelajar Peralihan Di Tiga Buah Sekolah Di Daerah Skudai* (Tesis Master). Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Johor.
- Jerie anak Peter Langan dan Zamri Mahamod. (2011). Sikap dan motivasi murid Iban dalam mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. 1 (1): 13-25.
- Krashen, Stephen D. (1974)“Laterization, Language, Learning and the Critical Period: Some New Evidence.” *Language Learning*, 23:63-74, University of California, Los Angeles, CA.
- Layson J. (1981). *Language and Linguistics. An Introductio*. Cambridge: University Press
- Maksan, Marjusman. (1993). *Psikolinguistik*. Padang: IKIP Padang Press.
- Mangantar Simanjuntak. (1982). *Pemerolehan Bahasa Melayu: Bahagian Fonologi*. *Jurnal Dewan Bahasa*, Ogos/September, 615-625.
- Mangantar Simanjuntak. (1987). *Pengantar Psikolinguistik Moden*. Kuala Lumpur: *Jurnal Dewan Bahasa dan Pustaka*.
- Mangantar Simanjuntak. (1990). *Pertumbuhan dan Perkembangan Bahasa Kanak-kanak*. *Jurnal Dewan Bahasa*, September. 692-704.
- Mussen, P (ed.), (1983) *Handbook of Child Psychology*, Vol. 1. (4th ed., New York: Wiley)
- Noor Aina Dani. (2007). *Pengantar Psikolinguistik*. Petaling Jaya: Sasbadi Sdn.Bhd
- Norhana binti Md.Saller. (2017). *Pemerolehan Leksikal Bahasa Jepun Melalui Penceritaan Digital* (Tesis Master). Fakulti Bahasa, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Rohaidah Kamaruddin. (2013). *Ekstralinguistik Bahasa Kedua dalam Pembelajaran Bahasa Pelajar Melayu yang multilingual di Sekolah Berasrama Penuh*. (Tesis PHD). Universiti Putra Malaysia, Serdang
- Zamri Mahamod & Awang Salleh Awang Wahap. (2008). Perkembangan bahasa dan perubahan tingkah laku sosial kanak-kanak prasekolah. *Jurnal Bahasa*, 8 (1): 160-203 Penerbitan Dewan Bahasa & Pustaka. Kuala Lumpur
- Zamri Mahamod, Kamiliyah Ayu Ab. Ghani & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad. 2016. Penggunaan strategi pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan murid Cina berdasarkan sikap dan kemahiran bahasa. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6 (1): 38- 51.